

Dr

Mohd Yahya Mohd Ariffin

(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Baru-baru ini, hasil kajian penyelidik sebuah universiti awam tempatan mendapati peluang graduan Melayu untuk diterima sebagai pekerja di syarikat swasta milik kaum Cina dan rakyat asing amat kecil peratusannya.

Daripada lebih 3,000 resume yang dihantar, kajian itu mendapat hanya 4.2 peratus graduan Melayu berpeluang untuk dipanggil menghadiri temu duga.

Peratusan itu hanya untuk dipanggil temu duga dan belum tentu diterima sebagai pekerja baharu di syarikat berkenaan. Mungkin peratusannya lebih kecil daripada itu.

Kajian itu mendapati graduan daripada universiti dikenali iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) lebih diutamakan oleh bakal majikan di negara ini berbanding universiti awam lain.

Seperkara lagi daripada hasil kajian itu menunjukkan graduan Melayu yang boleh menulis, bertutur dan membaca dalam bahasa Cina juga lebih berkemungkinan dan berpeluang dipanggil menghadiri temu duga.

Dengan kata lain, graduan yang berbangsa Melayu

Cabarang graduan Melayu

yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) awam selain empat universiti di atas serta tidak memiliki kemahiran bahasa Cina mempunyai peluang yang tipis untuk mendapat pekerjaan di syarikat bukan Melayu/Bumiputera.

Inilah cabaran dan realiti yang perlu dihadapi oleh majoriti graduan dan bakal graduan Melayu di negara ini. Dapat kajian itu mungkin sebahagian daripada cabaran yang perlu dihadapi graduan Melayu. Sebenarnya, ada banyak lagi cabaran yang melingkari graduan Melayu seperti dapatan beberapa

kajian sebelum ini.

Kajian Mohammad, Zurina dan Nursilah (2007) dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap kebolehpasaran graduan pengajian Islam daripada tiga buah universiti tempatan menunjukkan sebanyak 25 faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan.

Antara faktor signifikan ialah pencapaian akademik, kecekapan bahasa Inggeris, kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bidang pengajian, keyakinan diri dan pengalaman kerja.

Kajian Pengesahan Graduan 2012 oleh KPM mendapati sebanyak 51.1 peratus

atau 103,310 graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi. Sebanyak 30 peratus daripada keseluruhan lepasan ijazah pertama memperoleh gaji asas lebih RM2,500 sebulan khususnya di sektor swasta.

Berdasarkan beberapa hasil kajian itu, jelas memberi cabaran kepada graduan Melayu dan mereka perlu melakukan tindakan proaktif jika tidak mahu ketinggalan dan terus menganggur berbanding kaum lain..

“

DENGAN PELBAGAI CABARAN YANG MENGHIMPIT, MAKAN GRADUAN DAN BAKAL GRADUAN MELAYU PERLU MENCARI JALAN DAN BERUSAHA MENCINTA PEKERJAAN DENGAN MENJADI USAHAWAN”

Pelbagai usaha dilakukan oleh Kementerian Pendidikan, universiti dan organisasi untuk meningkatkan kualiti graduan yang dilahirkan seperti kursus dan program yang membuka peluang kerjaya seperti Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) 2013 anjuran kementerian itu dan UPM, baru-baru ini.

Peluang kerjaya

Dengan pelbagai cabaran yang menghimpit, maka graduan dan bakal graduan Melayu perlu mencari jalan dan berusaha mencipta pekerjaan dengan menjadi usahawan.

Hal ini sejelas dengan saranan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh ketika merasmikan Karnival K3G 2013 yang mengajak graduan mengubah minda daripada hanya menjadi pencari kerja kepada penjanaan pekerjaan dalam bidang keusahawanan.

Ketika ini negara amat memerlukan ramai usahawan dalam kalangan graduan untuk menjadi pemangkin transformasi ekonomi, malah KPM akan terus memberi penekanan terhadap bidang keusahawanan dan mahu graduan menjadikannya sebagai pilihan kerjaya utama.

Jika graduan berminat bekerja dalam sektor awam,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pendidikan dari semasa ke semasa menawarkan pekerjaan berdasarkan keperluan di semua kementerian.

Selain itu, agensi kerajaan dan badan berkanun turut mewujudkan peluang pekerjaan yang boleh diterokai graduan Melayu. Jangan lupa perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang melantik pegawai baharu dari semasa ke semasa.

Terdapat banyak syarikat berkaitan kerajaan yang diterajui orang Melayu yang mungkin membantu dan memudahkan graduan Melayu untuk mendapat pekerjaan di negara ini atau luar negara.

Cubalah memohon pekerjaan di syarikat milik orang Melayu/Bumiputera yang mungkin memberi peluang kepada graduan Melayu untuk mengembangkan kerjaya masing-masing. Misalnya, syarikat milik Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari yang sehingga kini mempunyai lebih 110,000 pekerja yang mungkin dapat membantu graduan Melayu.

Selain itu, graduan Melayu dari USIM misalnya, yang mahir berbahasa Arab mungkin berpeluang bekerja di syarikat asing dari negara Asia Barat yang beroperasi di Malaysia atau di luar negara.

Seminar Pendidikan dan Kerjaya UPSI

Ipoh: Dalam usaha untuk memberi kesedaran dan kepentingan pendidikan dan kerjaya, mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengambil inisiatif menganjurkan Program Seminar Pendidikan dan Kerjaya 2013 bertempat di Institut Latihan Perindustrian, Perak.

Program sehari dijayakan 13 mahasiswa dan pensyarah UPSI itu turut disertai 212 pelajar dan 75 guru kaunseling bermatlamat menyalurkan maklumat tepat mengenai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) tempatan dan luar negara.



Sebahagian pelajar sekolah yang menyertai Seminar Pendidikan dan Kerjaya 2013 anjuran UPSI.

Pengarah Program, Noor Hamidah Mohd Halimi, berkata pengisian memfokuskan aktiviti berkaitan kerjaya termasuk mengenal pasti minat kerjaya pelajar menerusi ujian psikometrik selain memberi bimbingan dalam merancang kerjaya yang bersesuaian dengan minat, kebolehan dan kelayakan mereka.

Pendedahan awal

Katanya, UPSI diwakili mahasiswa Sarjana Pendidikan Kaunseling yang berperanan sebagai fasilitator bagi membuka mata pelajar mengenai kelebihan IPT tempatan selain peluang kemasukan ke institusi pendidikan lain sekiranya gagal mendapat tempat di universiti.

"Pendedahan awal sebe-



gini penting bagi membolehkan pelajar mendapat sedikit sebanyak gambaran mengenai kerjaya pilihan sekali gus membantu mereka membuat pilihan bidang pengajian di universiti.

"Peluang bidang kemahiran turut didedahkan kepada pelajar memandangkan bidang berkenaan turut mendapat permintaan tinggi dalam pasaran kerjaya masa kini," katanya.

Program berkenaan mendapatkan kerjasama Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Daerah Kinta Utara, Pejabat Pelajaran Daerah Kinta dan Institut Latihan Perindustrian Jelapang.